

Harapan Chua: 1Malaysia singkir PERKASA

Malaysiakini.com

June 10, 2011

Sejak 1Malaysia 'dilahirkan' dua tahun lalu, ia mendapat pelbagai reaksi - sesetengah memuji, tidak kurang yang mencemooh dan ada pula yang tidak ambil kisah.

Hasil ilham Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak, 1Malaysia bagi penyokongnya dilihat mampu menyatukan rakyat majmuk di negara ini.

Tetapi pengkritiknya menganggap 1Malaysia sekadar slogan kosong kerana dasar kerajaan dan politik yang diamalkan masih berkisar kepada soal bangsa dan kerapuhan perpaduan rakyat semakin parah.

Antara mereka yang menyokong padu 1Malaysia adalah Presiden MCA Datuk Seri Dr Chua Soi Lek, yang mengetuai parti politik yang hanya menerima orang Cina sebagai ahlinya.

Dalam wawancaranya baru-baru ini dengan Malaysiakini, Chua berkata 1Malaysia tidak boleh dicapai dalam sekelip mata dan meramalkan sekurang-kurangnya sehingga 10 tahun sebelum perubahan sikap mula kelihatan.

Titik persamaan

Katanya, rakyat Malaysia masih terikat dengan identiti bangsa sehingga mereka mampu mencari titik persamaan.

Chua juga percaya 1Malaysia dimulakan dengan langkah yang salah iaitu dilancarkan selepas pilihan raya umum Mac 2008.

"Kerana (keputusan pilihan raya) itu, semua orang terburu-buru mengatakan ia baik untuk negara ini. Jadi sekarang kita mempunyai sistem dua parti," katanya.

Kesan pilihan raya, kata Chua menyaksikan ahli politik menjadi gusar dan sesetengah mereka mengambil pendirian perkauman yang melampau.

"Ini kerana semua ahli politik di mana-mana di dunia ini adalah sama... berbalik kepada asas dan fundamental - bangsa dan agama - bagi mendapatkan sokongan. Ini agak malang," katanya.

Meskipun huraian ciri-ciri itu menggambarkan sikap yang diambil oleh ahli parlimen Pasir Mas Ibrahim Ali namun Chua tidak mahu diheret untuk berdebat dengan presiden kumpulan pendesak Melayu - PERKASA.

Sama seperti 1Malaysia, PERKASA juga lahir selepas pilihan raya umum 2008 tetapi berkonsepkan perjuangan Melayu kerana gusar penguasaan politik Melayu semakin pudar